



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
AHAD 10 OKTOBER 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3.	AGROFOOD SECTOR EXPECTED TO GROW 4.5 PCT ANNUALLY, JOME, BORNEO POST (KK) -4 SEKTOR AGROMAKANAN DIJANGKA BERKEMBANG DALAM RMK12, TEMPATAN, HARIAN EKSPRESS (KK) -2 AGROFOOD SECTOR EXPECTED TO GROW AT 4.5PC DURING 12MP, NATION, DAILY EKSPRESS -2	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
4.	LPP OPTIMIS TINGKATKAN PRODUKTIVITI PENGUSAHA PKS MENERUSI BIMBINGAN, KEWANGAN, KOMENTAR, SH -21	LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (LPP)
5.	AGROBANK EDAR BANTUAN MAKANAN, NASIONAL, SINAR AHAD -14	AGROBANK
6. 7.	BERMULA JAGA TANAH KINI TAUKE LEMBU, XPRESI, METRO AHAD -36 & 37 TONG MINYAK & UMPAN KELAPA, LOKAL, METRO AHAD -11	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Headline	Agrofood sector expected to grow 4.5 pct annually		
MediaTitle	Borneo Post (KK)		
Date	10 Oct 2021	Color	Full Color
Section	Home	Circulation	18,290
Page No	4	Readership	54,870
Language	English	ArticleSize	302 cm ²
Journalist	Bernama	AdValue	RM 1,684
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 5,052



Agrofood sector expected to grow 4.5 pct annually

PUTRAJAYA: The agrofood sector is expected to grow at a rate of 4.5 per cent a year during the 12th Malaysia Plan (12MP) period (2021-2025) and this will place the sector among the main contributors to the country's gross domestic product (GDP).

Agriculture and Food Industries Minister Datuk Seri Dr Ronald Kiandee, in a statement on Saturday, said the agriculture sector is projected to grow 3.8 per cent a year during the 12MP and contribute seven per cent to GDP in 2025.

"During the 12MP period, the agriculture sector will be intensified by using smart technology to increase productivity and strengthen the level of national food security across all agrofood sub-sectors," he said.

The initiatives include high-tech agricultural methods including big data analysis, artificial intelligence, internet of things (IoT) as well as precision equipment such as drones, robotics and sensors at the Permanent Food Production Parks (TKPM), he said.

Ronald said vertical and indoor smart farming methods will be expanded by leveraging existing land and derelict buildings.

"Going forward, farmers will be encouraged to adopt organic farming practices to meet the growing demand for organic



RONALD KIANDEE

products and generate higher incomes," he said.

In the field of fishery, Ronald said cooperatives and associations would be encouraged to venture into deep-sea and offshore fishing activities by using modern vessels and innovative equipment to increase yields and competitiveness as well as promote a sustainable fishing industry.

He said the livestock sector would be given focus with the aim of increasing local meat production and food security through good and modern farming practices.

To encourage modernisation in the agriculture sector, he said new financing mechanisms and incentive structures would be introduced to accelerate the development of high-potential

industries, especially to adopt the Fourth Industrial Revolution (4IR) Policy technology.

Ronald said a dedicated smart agriculture fund would be created to accelerate the adoption of modern technology in the agricultural sector and would provide opportunities for farmers especially young agropreneurs to modernise agricultural activities along the value chain.

"This initiative will attract quality investments, create more jobs and produce more high value-added products," he said, adding that it would also address issues of food security and dependence on low-skilled foreign labour.

Ronald said farmers, cooperatives, associations as well as middle and downstream industries would also be encouraged to utilise e-commerce platforms to enhance the marketing of agricultural produce to reduce over-reliance on middlemen.

"This platform will also open up opportunities for outsourcing of plantation machinery and equipment services to fully utilise resources and achieve cost-efficiency," he said.

He said the skills of the workforce involving the youths would be enhanced through the review of the curriculum and training modules to create a competent workforce to meet current and future needs.

According to him, MAFI (the Ministry of Food and Agriculture Industries) welcomed the emphasis on food security which had been given due priority in the 12MP and approved without amendments in the Dewan Rakyat on Thursday.

He said it would enhance the capacity of the agrofood sector as a sustainable, resilient and high-tech sector that could drive economic growth and improve the well-being of the people as well as prioritise the country's food security.

"The food security assurance element is the ministry's priority for the next five years in an effort to increase the country's food availability," he said.

Ronald also said the strategies and initiatives under the National Agrofood Policy 2021-2030 (DAN 2.0) and the National Food Security Policy Action Plan (DSMN) 2021-2025 would continue to be implemented to achieve food security level targets and comply with international food safety standards.

He added that MAFI was committed to implementing all the strategies outlined under the 12MP to achieve the targets set in reshaping the country's future in line with the goals of prosperity, inclusivity and sustainability in the Shared Prosperity Vision (WKB) 2030.
— Bernama

Headline	Sektor agromakanan dijangka berkembang dalam RMK12		
MediaTitle	Harian Ekspres (KK)		
Date	10 Oct 2021	Color	Black/white
Section	Tempatan	Circulation	25,055
Page No	2	Readership	75,165
Language	Malay	ArticleSize	397 cm ²
Journalist	Bernama	AdValue	RM 844
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 2,532



Sektor agromakanan dijangka berkembang dalam RMK12

PUTRAJAYA: Sektor agromakanan dijangka berkembang pada kadar 4.5 peratus setahun dalam tempoh pelaksanaan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) dan bakal meletakkan sektor ini antara penyumbang utama kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara.



Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Dr Ronald Kiang (gambar) dalam satu kenyataan pada Sabtu berkata sektor pertanian diunjur berkembang 3.8 peratus setahun dalam tempoh RMK12 dan menyumbang tujuh peratus kepada KDNK negara menjelang 2025.

"Dalam tempoh pelaksanaan RMK12 juga, sektor pertanian akan dipergiat dengan menggunakan teknologi pintar untuk meningkatkan produktiviti dan mengukuhkan tahap sekuriti makanan negara merentas semua subsektor agromakanan," katanya.

Inisiatif tersebut termasuklah kaedah pertanian berteknologi tinggi merangkumi analisis data raya (BDA), kecerdasan buatan (AI), internet benda (IoT) serta peralatan tepat seperti dron, robotik dan sensor di Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM), katanya.

Ronald berkata kaedah pertanian pintar secara menegak dan tertutup akan diperluas dengan memanfaatkan tanah sedia ada dan bangunan terbiar.

"Melangkah ke hadapan, para petani akan digalakkan untuk menerima pakai amalan pertanian organik untuk memenuhi permintaan yang semakin bertambah terhadap produk organik dan menjana pendapatan yang lebih tinggi," katanya.

Dalam bidang perikanan tangkapan pula, Ronald berkata pihak koperasi dan persatuan akan digalakkan menceburi

aktiviti perikanan laut dalam dan laut lepas dengan menggunakan kapal moden serta peralatan inovatif bagi meningkatkan hasil dan daya saing serta menggalakkan industri perikanan yang mampan.

Beliau berkata bidang ternakan akan diberi fokus dengan matlamat meningkatkan pengeluaran daging tempatan dan keselamatan makanan melalui amalan penternakan baik dan moden.

Bagi menggalakkan pemodenan dalam sektor pertanian, beliau berkata mekanisme pembiayaan dan struktur insentif baharu akan diperkenalkan untuk mempercepat pembangunan industri berpotensi tinggi, terutama bagi menerima guna teknologi Dasar Revolusi Perindustrian Keempat (4IR).

Ronald berkata dana pertanian pintar yang khusus ini akan diwujudkan untuk mempercepat penerimaan teknologi moden dalam sektor pertanian dan akan menyediakan peluang kepada petani terutama agropreneur muda untuk memodenkan aktiviti pertanian di sepanjang rantaian nilai.

"Inisiatif ini akan menarik pelaburan berkualiti, mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan dan menghasilkan lebih banyak produk yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi," katanya sambil menambah ia juga akan menangani isu sekuriti makanan dan kebergantungan kepada tenaga kerja asing berkemahiran rendah.

Ronald berkata petani, koperasi, persatuan serta industri pertengahan dan hiliran akan turut digalakkan untuk memanfaatkan platform e-dagang bagi meningkatkan pemasaran hasil pertanian bagi mengurangkan kebergantungan yang berlebihan kepada orang tengah.

"Platform ini juga akan membuka peluang kepada penyumberan luar (outsourcing) perkhidmatan jentera dan peralatan

perladangan bagi memanfaatkan sepenuhnya sumber dan mencapai kecekapan kos," katanya.

Beliau berkata kemahiran tenaga kerja melibatkan golongan belia akan dipertingkatkan melalui semakan semula kurikulum dan modul latihan untuk mewujudkan tenaga kerja yang kompeten bagi memenuhi keperluan semasa dan masa hadapan.

Menurutnya, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi) menyambut baik pebekanan aspek sekuriti makanan yang telah diberikan keutamaan sewajarnya dalam RMK12 yang diluluskan tanpa pindaan di Dewan Rakyat pada Khamis lepas.

Katanya ia dapat meningkatkan kenapayaan sektor agromakanan sebagai suatu sektor yang mampan, berdaya tahan dan berteknologi tinggi yang dapat memacu pertumbuhan ekonomi dan meningkatkan kesejahteraan rakyat serta mengutamakan sekuriti makanan negara.

"Elemen jaminan sekuriti makanan merupakan keutamaan Kementerian untuk tempoh lima tahun akan datang dalam usaha meningkatkan ketersediaan makanan negara," katanya.

Ronald berkata strategi dan inisiatif di bawah Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0) dan Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan Negara (DSMN) 2021-2025 akan terus dilaksana bagi mencapai sasaran tahap sekuriti makanan dan mematuhi standard keselamatan makanan antarabangsa.

Beliau berkata Mafi komited melaksanakan semua strategi yang telah digariskan di bawah RMK12 bagi mencapai sasaran yang telah ditetapkan dalam menecorak semula masa hadapan negara selaras dengan matlamat kemakmuran, inklusiviti dan kemampuan dalam Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB) 2030. - Bernama

Headline	Agrofood sector expected to grow at 4.5pc during 12MP		
MediaTitle	Daily Express (KK)		
Date	10 Oct 2021	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	25,055
Page No	2	Readership	75,165
Language	English	ArticleSize	226 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,201
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 3,603



Agrofood sector expected to grow at 4.5pc during 12MP

PUTRAJAYA: The agrofood sector is expected to grow at a rate of 4.5 per cent a year during the 12th Malaysia Plan (12MP) period (2021-2025) and this will place the sector among the main contributors to the country's gross domestic product (GDP).



Agriculture and Food Industries Minister Datuk Seri Dr Ronald Kiandee (pic), in a statement Saturday, said the agriculture sector is projected to grow 3.8 per cent a year during the 12MP and contribute seven per cent to GDP in 2025.

"During the 12MP period, the agriculture sector will be intensified by using smart technology to increase productivity and strengthen the level of national food security across all agrofood sub-sectors," he said.

The initiatives include high-tech agricultural methods including big data analysis, artificial intelligence, internet of things (IoT) as well as precision equipment such as drones, robotics and sensors at the Permanent Food Production Parks (TKPM), he said.

Ronald said vertical and indoor smart farming methods will be expanded by leveraging existing land and derelict buildings.

"Going forward, farmers will be encouraged to adopt organic farming practices to meet the growing demand for organic products and generate higher incomes," he said.

In the field of fishery, Ronald said co-operatives and associations would be encouraged to venture into deep-sea and offshore fishing activities by using modern vessels and innovative equipment to increase yields and competitiveness as well as promote a sustainable fishing industry.

He said the livestock sector would be given focus with the aim of increasing local meat production and food security through good and modern farming practices.

To encourage modernisation in the agriculture sector, he said new financing mechanisms and incentive structures would be introduced to accelerate the development of high-potential industries, especially to adopt the Fourth Industrial Revolution (4IR) Policy technology.

Ronald said a dedicated smart agriculture fund would be created to accelerate the adoption of modern technology in the agricultural sector and would provide opportunities for farmers especially young agropreneurs to modernise agricultural activities along the value chain.

"This initiative will attract quality investments, create more jobs and produce more high value-added products," he said, adding that it would also address issues of food security and dependence on low-skilled foreign labour.

Ronald said farmers, cooperatives, associations as well as middle and downstream industries would also be encouraged to utilise e-commerce platforms to enhance the marketing of agricultural produce to reduce over-reliance on middlemen.

LPP optimis bantu tingkatan produktiviti pengusaha PKS menerusi bimbingan, kewangan

KOTA TINGGI - Lembaga Perubuhan Peladang (LPP) optimis dalam membantu meningkatkan lagi produktiviti pengusaha kecil dan sederhana (PKS) di negara ini menerusi pelbagai usaha dan perancangan di masa hadapan.

Ketua Pengarah LPP, Datuk Azulita Salim berkata, usaha itu juga adalah termasuk bimbingan kepada pengusaha selain pemberian pinjaman kewangan untuk mengembangkan operasi perniagaan mereka.

"Sebenarnya banyak program yang kita telah laksana meskipun ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sejak tahun lalu. Antara yang sedang bergerak ialah Program Agri Perintis yang bertujuan melahirkan lebih ramai usahawan terutama daripada belia.

"Dari segi peruntukan, kita ada banyak bannuan yang boleh disalurkan antaranya menerusi geran Pakej Rangsangan Ekonomi, peruntukan Program Agri Perintis dan pinjaman, kewangan menerusi Tabung Pembangunan Usahawan Peladang (TPUP) kepada pengusaha yang mahu mengembangkan lagi perniagaan mereka," katanya.

Beliau berkata demikian ke-

pada *Sinar Ahad* ketika lawatan kerja Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan 1, Datuk Seri Ahmad Hamzah di Taman Industri Pasak di sini pada Sabtu.

Dalam lawatan kerja itu, Ahmad yang ditemani Azulita melawat tiga lokasi pengusaha yang mendapat bantuan LPP iaitu pusat memproses barangan sejuk beku, Nazla Enterprise di Taman Industri Pasak; Ladang Ternakan Kelulut Honey Fresh Agro Farm di Bandar Petra Jaya dan Pusat Penternakan Udag Kara di Taman Penggeli Kecil.

Azulita berkata, sehingga kini sebanyak RM200,000 peruntukan telah diagihkan kepada lebih 200 pengusaha PKS di seluruh negara sebagai bantuan kepada mereka untuk mengembangkan perniagaan masing-masing.

"Buat masa ini kita mempunyai rekod sebanyak 211 peruntukan peladang sudah menerima peruntukan geran dan bantuan. Kita jangkakan angka ini akan meningkat dari semasa ke semasa.

"Macam lawatan kita pada hari ini (Sabtu), kita dimaklumkan pengusaha barangan sejuk beku ini pada 2018 ada membuat pinjaman sebanyak RM80,000.



Ahmad (tengah) melawat kaedah pemprosesan makanan sejuk beku Syarikat Nazla Enterprise pada Sabtu.

Alhamdulillah selepas beberapa tahun tiada masalah malah dia juga mampu untuk membayar semula jumlah pinjaman itu," katanya.

Sementara itu, pemilik Syarikat Nazla Enterprise, Mohamad Shazrin Haqim Isa berkata, hasil pinjaman TPUP itu telah banyak membantu mengembangkan perniagaannya terutama dalam meningkatkan lagi jumlah produktiviti jualan.

"Saya bersyukur menerima pinjaman ini kerana pada tahun 2018, syarikat saya hanya mam-

dak langsung membuka peluang pekerjaan kepada penduduk setempat.

"Memang waktu PKP kita bermiaga agak perlahan, tetapi saya yakin tahun ini kita boleh bangkit semula. Bagaimanapun memang hasrat saya untuk membantu semua."

"Selepas mempunyai mesin dan perniagaan kami mula berkembang, saya telah menambah tenaga kerja daripada seorang kepada lima orang, mungkin selepas ini akan bertambah lagi," katanya.

Kata Mohamad Shazrin, pihaknya juga kini dalam perancangan untuk memohon satu lagi geran pembangunan perniagaan bersama LPP untuk memajukan perniagaannya ke peringkat yang lebih tinggi.

"Kita memang ada permintaan di luar negara dan sebelum ini kita juga pernah eksport produk kita ke Dubai, Emiriah Arab Bersatu (UAE). Jadi dengan permohonan (geran pembangunan) selepas ini saya berharap kami boleh terus maju.

"Insya-ALLAH jika tiada masalah, kami juga kini dalam perancangan untuk membuka tiga lagi cawangan baharu iaitu di Selangor, Kedah dan Johor Bahru," katanya.

pu untuk menjana kira-kira 6,000 unit sahaja sehari kerana kita memang menggunakan cara manual sepenuhnya untuk proses pembuatan.

"Melalui pinjaman ini, saya telah membeli mesin untuk membantu meningkatkan produktiviti jualan dan kini kami boleh hasilkan sebanyak 9,000 unit sehari," katanya.

Beliau berkata, dengan jumlah produktiviti yang lebih banyak, pihaknya juga berupaya untuk memperoleh keuntungan yang lebih sekali gus secara ti-

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10/10/2021	SINAR HAD	NASIONAL	14

Agrobank edar bantuan makanan

Institusi kewangan itu terus sokong pemulihan pasca Covid-19

Oleh NORSHAHZURA MATZUKI

JASIN

Agrobank dengan kerjasama Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) mengedarkan 100 kotak bantuan makanan kepada penduduk di beberapa lokasi sekitar Jasin yang terjejas dengan pandemik Covid-19 menerusi program MAFI Prihatin.

Penanggung Tugasan Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, Khadijah Iskandar berkata, Agrobank amat prihatin dengan kesukaran dan situasi semasa dihadapi oleh komuniti



Ahmed (dua dari kanan) menyerahkan sumbangan MAFI Prihatin kepada Imam 2 Masjid Al Muaziri, Asahan; Mohd Izzat Idris (dua dari kiri) dan Khadijah (kanan) di cawangan Agrobank Jasin pada Jumaat.

dan Industri Makanan I, Datuk Seri Ahmad Hamzah kepada wakil imam masjid bagi kawasan Asahan, Bemban, Rim, Merimau, Setkam dan Sungai Rambai yang diadakan di cawangan Agrobank Jasin.

Mengulas lanjut, Khadijah berkata, dalam menyokong pemulihan pasca Covid-19 khususnya dalam sektor pertanian di Melaka, Agrobank terus memulakan perannya menerusi pengagihan pakej-pakej stimuli kerajaan seperti Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (Penjana), Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (Permuli), Kemudahan Bantuan Khas (SRF) dan kemudahan bersasar serta kemudahan pemuliharaan lain.

Sementara itu, Ahmad berkata, program MAFI Prihatin telah dilaksanakan oleh semua jabatan dan agensi di bawah MAFI bagi membolehkan lebih banyak golongan sasar mendapat manfaat.

barang makanan dan minuman kepada penerima kumpulan sasar yang telah dikenal pasti oleh Majlis Agama Islam Melaka (MAMIM), katanya dalam satu kenyataan pada Jumaat.

Penyerahan kotak bantuan makanan itu disempurnakan oleh Timbalan Menteri Pertanian


Agrobank bertanggungjawab untuk turut sama membantu dan menghulurkan bantuan kepada mereka yang terkesan dengan pandemik ini.

"Sumbangan melalui program MAFI Prihatin ini melibatkan kan penyerahan sumbangan kotak makanan yang berupa

setempat yang terjejas dan memerlukan bantuan serta sokongan dari segi keperluan asas makanan akibat kesempitan yang dialami sepanjang tempoh pandemik Covid-19.

"Sebagai sebuah institusi kewangan yang begitu dekat di hati rakyat Malaysia, kami di

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10/10/2021	METRO AHAD	XPRESI	36



LEMBU yang diternak Adi.

BERMULA JAGA TANAH KINI TAUKE LEMBU

Adi sama sekali tidak sangka melihat pencapaian diperoleh selepas 13 tahun terbabit dalam bidang penternakan

AGRO

Oleh Muhamad Razis Ismail
razis@mediaprima.com.my

Pembabitannya dalam bidang penternakan lembu sejak 2008 lalu sebenarnya berlaku secara tidak sengaja.

Semuanya bermula apabila Adi Hafiz Ahmad Zafnuddin, 36, diminta menjaga tanah milik bapanya di Segamat, Johor kerana masih tidak mempunyai pekerjaan tetap. Berikut tanah seluas

kira-kira 0.6 hektar sukar diuruskan sendiri kerana dipenuhi semak. Adi Hafiz mencadangkan kepada bapanya supaya menternak lembu.

Bermula hanya tiga ekor lembu dengan modal dikeluarkan bapanya, jumlah itu semakin lama semakin bertambah sehingga mencecah 40 ekor

dalam tempoh empat tahun. Adi Hafiz berkata, pada ketika itu, aktiviti penternakan lembu semakin berkembang apabila mendapat permintaan tinggi.

Melihat jumlah lembu yang semakin bertambah dan ruang tanah yang kian terhad, dia mengambil keputusan untuk mencari

kawasan lebih sesuai.

"Saya kemudian membuat permohonan dengan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Segamat (JPV) untuk menternak lembu di Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM).

"Selepas melalui pelbagai proses termasuk menyediakan kertas kerja,



PROSES memotong rumput napier.



BEKALAN makanan untuk ternakan

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10/10/2021	METRO AHAD	XPRESI	37

lawatan ke ladang ternakan dan temu bual, saya diberikan kebenaran untuk memfikirkan lembu di atas tanah seluas lapan hektar di TKPM Tungku Tiga, Segamat.

"Alhamdulillah, kemudian selepas projek dilihat berkembang maju, saya membuat lagi permohonan dan diberikan tambahan tanah seluas 12 hektar secara berperingkat di Ladang Satehr Nasional (LSN) Bangas," katanya ketika dihubungi.

Menurutnya, dia memanfaatkan sebagai mungkin peluang yang diberikan untuk menambah bilangan lembu sedia ada.

"Kini saya mempunyai kira-kira 80 ekor lembu yang dipelihara secara fidlot dan integrasi sawit. Sebanyak 100 ekor dilepaskan di ladang kelapa sawit manakala selebihnya dipelihara di TKPM," katanya.

Menerusi aktiviti penternakan lembu, dia mendapat idea untuk menanam rumput napier untuk dibekalkan kepada penternak.

"Untuk dua tahun pertama, ia kurang mendapat sambutan kerana penternak tidak dapat memproses sendiri rumput untuk diberikan kepada ternakan.

"Saya kemudian mengambil inisiatif sendiri belajar di YouTube dan menghadiri beberapa kursus untuk memproses sendiri rumput napier bagi memudahkan penternak selain tahan lebih lama. Selepas itu, permintaan meningkat mendadak," katanya.



Kini saya mempunyai kira-kira 80 ekor lembu yang dipelihara secara fidlot dan integrasi sawit. Sebanyak 100 ekor dilepaskan di ladang kelapa sawit manakala selebihnya dipelihara di TKPM

ADIL

Selain itu, dia juga terlibat dalam perniagaan dedak yang dibekalkan kepada penternak dan peniaga di kawasan sekitar. Dia juga bijak memanfaatkan media sosial untuk menjalankan aktiviti pemasaran produk yang disediakan.

"Saya dihantar JPV



TERNAKAN lembu yang dijalankan secara fidlot



LEMBU sangat menyukai rumput napier.



MEMANFAATKAN tanah dengan tanaman rumput napier.



RUMPUT napier yang belum diproses.

BOLEN ditanam sepanjang tahun.



RUMPUT napier yang diproses tahan lebih lama

untuk menyertai kursus pemasaran dan di situlah saya banyak belajar ilmu baharu mengenai media sosial.

"Menerusi media sosial perniagaan yang sebelum ini tertumpu di kawasan sekitar mula berkembang apabila mendapat permintaan dari luar jorjor termasuk Pahang, Selangor, Melaka dan Negeri Sembilan," katanya.

Jelasnya, separjang terlibat dalam bidang penternakan ini, dia mengukir berdepan pelbagai cabaran termasuk masalah sukar mendapat tenaga kerja.

"Saya tidak nafikan memang ada golongan muda tapi tidak ramai kerana mereka tak berniat untuk menceburi bidang ini.

"Selain itu, saya mendapati teknologi dan inovasi pertanian perlu dipertingkatkan lagi berbanding negara luar.

Katanya, dia sama sekali tidak menyangka melihat pencapaian yang diperoleh selepas 13 tahun terlibat dalam bidang penternakan.

"Saya akui pada awalnya tidak minat dan tidak mempunyai perancangan untuk menjadi penternak. Malah saya pernah beberapa kali hampir berputus asa.

"Namun berkat kesabaran dan dorongan keluarga, saya teruskan sehingga ke hari ini," katanya.

Dia turut berkongsi nasihat kepada golongan muda yang ingin menceburi bidang penternakan sebagai kerjaya mempunyai jiwa dan tenaga.

"Apabila terlibat dalam bidang ini, anda tidak boleh berharap 100 peratus kepada pekerja.

"Dengan kata lain, anda perlu sentiasa turun padang dan belajar dari bawah berkenaan selok-belok penternakan," katanya.



SYED Jafari dibantu isteri, Sharifah Yusnida mengangkat bubu yang dipasang di Sungai Pahang.



BUBU hasil kreativiti Syed Jafari daripada tong minyak terpakai.



SYED Jafari dan isteri, Sharifah Yusnida membaiki jala yang rosak. - Gambar NSTP/MOHD RAFI MAMAT

TONG MINYAK & UMPAN KELAPA

Suami isteri nelayan sungai kreatif, gigih cari rezeki

Oleh Mohd Rafi Mamat
am@metro.com.my



Pekan

Ikatan perkahwinan yang terjalin menjadi lebih bermakna apabila setiap usaha dilakukan bersama bagi mencari rezeki untuk meneruskan kelangsungan hidup.

Itu yang diamalkan pasangan Syed Jafari Syed Mohd, 49, dan Sharifah Yusnida Syed Ibrahim, 42, sejak 19 tahun mendirikan rumah tangga yang diatur keluarga.

Menetap di Kampung Pulau Manis, dekat sini, memberi peluang kepada mereka mengamalkan cara hidup kampung yang sebenar de-

Saya menjala dan isteri mengawal bot gantian kaca yang digunakan, kami ke sungai selepas subuh dan pulang sebelum Zuhur"

Syed Jafari

ngan melakukan usaha memterak biri-biri dan lembu selain mengusahakan tanaman kelapa sawit.

Tidak cukup dengan itu, pasangan berkenaan yang sentiasa mesra turut menjadi nelayan Sungai Pahang yang terkenal dengan pelbagai spesies ikan air tawar termasuk udang galah.

Menurut Syed Jafari, hampir semua aktiviti dia dan isteri lakukan secara bersama tanpa mengira waktu, ia seolah-olah tidak sempurna dan suryi jika tidak bersama.

Katanya, sebagai nelayan sungai, hampir setiap minggu dia dan isteri menyusuri Sungai Pahang melakukan aktiviti menjala sambil menahan bubu yang dihasilkan daripada inovasi tong minyak dengan menggunakan umpan kelapa.

"Saya dan isteri mula aktif sebagai nelayan sungai sejak lebih tujuh tahun lalu, ru-

mah kami yang terletak di tepi Sungai Pahang merencanakan lagi aktiviti berkenaan sebagai antara sumber pendapatan selain untuk makan sendiri.

"Saya lebih suka menjala kerana ia lebih mencabar selain mampu memberi hasil tangkapan yang lebih lumayan berbanding menahan bubu, saya mampu menda-pat tiga hingga lima kilogram ikan dan udang galah sekali turun ke sungai. Namun, rezeki sebagai nelayan tidak menentu.

"Saya menjala dan isteri mengawal bot gantian kaca

yang digunakan, kami ke sungai selepas subuh dan pulang sebelum Zuhur. Kebanyakan hasil tangkapan digunakan sendiri," katanya.

Syed Jafari berkata, cabaran yang selalu dihadapi ketika menjala ialah jala tersangkut pada kayu, untuk memastikan jala tidak koyak serta rosak dia terpaksa menyelam ke dasar sungai untuk melepaskannya.

Menurutnya, perasaan takut tetap terasa berada dalam air kerana sebarang kemungkinan boleh berlaku, selain buaya, pakaian ter-

sangkut pada jala boleh berlaku yang boleh mengundang kejadian buruk.

"Isteri akan membantu setiap kali saya menyelam dengan memegang tali jala sambil mengawal bot, pernah berlaku kejadian bot hampir karam disebabkan tidak seimbang.

"Balak hanyut juga menjadi acaman pada nelayan sungai, setiap kali ke sungai saya perlu lebih berhati-hati bagi mengelak terlanggar balak dan pelbagai sampah yang hanyut dibawa arus deras air terutama selepas banjir," katanya.